

TINGKATAN 5 2024

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM (SEPTEMBER)

2 jam

1103/1

Dua jam

SKEMA PEMARKAHAN

SKEMA JAWAPAN
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.
	(28 – 30)	
	(26 – 27)	<u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai. *** Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain2.
KEPUJIAN	20 – 25	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu.
	(23 – 25)	
	(20 – 22)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan ransangan/tugas. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/ terhad. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan masih mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan yang masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan tema bahan ransangan/tugas. - Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih kurang dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi yang Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01-09 (06– 09) (01– 05)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Idea tidak menepati tema bahan ransangan/tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B : Karangan Respon Terbuka

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) - Ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Idea utama Pengembangan (huraian, bahasan, hujahan, contoh) kerelevanan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

Bahagian B (70 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64-70 (68-70) (64-67)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
KEPUJIAN	55-63 (59-63) (55-58)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45-54 (50-54) (45-49)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas dan matang. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan yang masih sesuai - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35-44 (40-44) (35-39)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih/ kurang menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Huraian kurang jelas dan matang. - Contoh kurang sesuai. Bahasa - Ayat kurang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul tetapi terdapat kesalahan bahasa minimum. - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan - Pengolahan kurang menarik. - Pemerenggan yang kurang sesuai - Wacana masih / kurang lengkap. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
PENGUASAAN MINIMUM	21-34 (28-34) (21-27)	Tugas - Karangan kurang menjawab tugas Idea - Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk . - Huraian tidak jelas / tidak berkembang - Contoh tidak sesuai. Bahasa - Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. Pengolahan - Pengolahan tidak menarik.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang - Wacana masih / kurang lengkap.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11-20) (1-10)	- Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. - Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

- Jika calon menulis dalam bentuk point (Bahagian A dan B)- maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM
- BAHAGIAN B
 - Bilangan perkataan 511 ke atas –maksimum peringkat KEPUJIAN
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK.

Perkataan yang dikira sebagai satu tahap perkataan

- Puisi
- Alamat
- Tarikh
- Nama Khas
- Peribahasa
- Maksud hadis/ Al-Quran/ kata-kata tokoh
- Penanda Wacana

8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata sendi 'di' dan 'ke'
10. Angka

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan nilai murni.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **amalan nilai murni dalam kalangan masyarakat**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

Nilai murni didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Antara nilai murni yang wajar dibudayakan ialah perilaku jujur, amanah dan berbudi bahasa.

Sumber : Blogger.com





KEMPEN BERBUDI BAHASA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG

BUDI BAHASA BUDAYA KITA



Amalan 4 S
Sopan, Senyum, Sapa, Salam

 **SILA HUBUNGI**
+123-456-7890

Sahsiah Membentuk Peribadi Mulia,
Asas Pemantapan Disiplin Diri



NASIONAL

**Negara jadi hebat melalui
penerapan nilai murni daripada
institusi keluarga - PM Anwar**

Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my
November 4, 2023 @ 1:58pm



SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN A

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan nilai murni dalam kalangan masyarakat.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **amalan nilai murni dalam kalangan masyarakat**.*

1. Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **langkah/cara/usaha menerapkan amalan nilai murni dalam kalangan masyarakat**

- i. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
 - a. definisi nilai murni
 - b. langkah-langkah menerapkan amalan nilai murni
 - pihak kerajaan mengadakan kempen berbudi bahasa
 - institusi kekeluargaan / keluarga menerapkan nilai murni
- ii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **langkah/cara/usaha menerapkan amalan nilai murni - DISEMAK DAN DITERIMA SEPERTI BIASA.**
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan -MAKSIMUM KEPUJIAN
- v. Jika calon menulis langkah tanpa dinyatakan pihak – MAKSIMUM KEPUJIAN
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - MAKSIMUM KEPUJIAN
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan -MAKSIMUM MEMUASKAN

*****Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- definisi nilai murni - sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan
- contoh nilai murni - memiliki perilaku jujur, amanah dan berbudi bahasa
- terdapat langkah-langkah menerapkan nilai murni

Isi 1: mengadakan kempen

- Kempen Budi Bahasa Budaya Kita – Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

- galakan memberi ucapan salam, bersalaman - senyuman manis – mengelakkan sikap sombong dan mementingkan diri – bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
- membudayakan masyarakat dengan amalan hormat -menghormati
- golongan muda menghormati golongan yang lebih tua

Isi 2 : institusi keluarga

- menunjukkan teladan kepada anak-anak - rujukan utama anak-anak
- ibu bapa sentiasa menziarahi saudara-mara dan keluarga di kampung –datuk dan nenek - tanda sayang ahli keluarga
- amalan bergotong-royong bersama-sama masyarakat setempat – menghadiri perayaan pelbagai kaum dalam komuniti - diikuti anak-anak

Penutup

- amalan nilai murni wajar diterapkan dalam kalangan masyarakat
- peranan pelbagai pihak – berganding bahu - amalan murni terus diamalkan
- subur dalam masyarakat

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN B

1.

Keruntuhan akhlak remaja dilihat sebagai isu yang berpanjangan dan perlu kepada tindakan segera. Antara salah laku yang sering berlaku dalam kalangan remaja ialah penyalahgunaan dadah, seks bebas, jenayah kekerasan, juvana dan merosakkan harta benda. Tidak dinafikan salah laku dan akhlak remaja pada hari ini sangat membimbangkan ekoran pengaruh budaya Barat, ketagihan media sosial dan pengaruh rakan sebaya yang menjadi ikutan para remaja hari ini.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki untuk menyampaikan syarahan bertajuk "Faktor-faktor Keruntuhan Akhlak Remaja".

Tuliskan syarahan tersebut selengkapnya.

1. Format penulisan komen :

- T – menjawab tugas**
- I – relevan, huraian jelas**
- B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat**
- P – menarik dan berkesan**

Kehendak / tugas soalan

Calon dikehendaki **menghuraikan faktor / punca / sebab berlakunya salah laku remaja dalam bentuk syarahan** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :

- pengaruh budaya Barat
- ketagihan media sosial

- pengaruh rakan sebaya

Kemungkinan Jawapan :

- Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea sendiri- tanda seperti biasa
- Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan / idea sendiri – maksimum **KEPUJIAN**
- Calon tidak menghuraikan idea berdasarkan format syarahan / tidak menggunakan laras bahasa syarahan – maksimum **KEPUJIAN**

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- kata alu-aluan - tajuk syarahan
- definisi salah laku - kelakuan yang tidak bermoral atau tidak beretika
- contoh salah laku – merokok, mencuri, juvana, penyalahgunaan dadah, bergaduh

Kata penghadapan

Isi 1 – pengaruh budaya Barat

- sikap remaja mudah terikut-ikut dengan budaya seperti seks luar nikah, hubungan sejenis, pengguguran janin dan bersekedudukan
- mampu meruntuhkan akhlak remaja disebabkan terlalu terpengaruh dengan filem-filem Barat – lambakan drama dan filem bebas
- contoh, fenomena kahwin lewat – rata-rata generasi milenium memilih untuk menamatkan zaman bujang pada usia yang agak lewat – berlaku trend penurunan sehingga 2020 seperti yang berlaku di negara Singapura, Jepun, Australia
- remaja berusia 13 hingga 25 tahun terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas – terlalu terpengaruh dengan keadaan di luar negara
- kehilangan identiti sendiri – meleburkan nilai-nilai dan memesongkan pegangan agama remaja masa kini

Kata penghadapan

Isi 2 – ketagihan media sosial

- menjadi pendorong kepada perilaku negatif dan agresif – taasub dengan media sosial – terlalu banyak khabar angin, maklumat palsu, komen atau mesej yang menghina dan memalukan
- remaja mudah terpengaruh dan terikut-ikut – Tiktok, Instagram
- melakukan buli siber – kematian pempengaruh Tiktok Rajeswary atau Esha 5 Julai 2024 – menjadi mangsa buli siber – hantaran komunikasi lucah dan mengaibkan dan kata-kata kesat
- sudah terantuk baru tengadah

Kata penghadapan

Isi 3 – pengaruh rakan sebaya

- sikap remaja mudah terpengaruh dengan rakan yang bermasalah dan suka melakukan aktiviti negatif – peranan besar mempengaruhi tingkah laku seseorang remaja
- merokok, alkohol, penyalahgunaan dadah, lumba haram
- Agensi Antidadah Kebangsaan – 40 peratus remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya -hampir 60 peratus pelajar yang gagal SPM – mengutamakan aktiviti sosial dengan rakan sebaya berbanding pelajaran
- Sikap remaja sebegini menyebabkan remaja terus hanyut dan memusnahkan masa depan sendiri – alasan mencari kelainan dalam aktiviti seharian
- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

Penutup

- seruan tajuk syarahan – bersama -sama berganding bahu membanteras salah laku dalam kalangan remaja – peranan pelbagai pihak merealisasikan harapan tersebut
- remaja lebih berdaya saing dan progresif - minda kelas pertama memacukan negara ke arah lebih baik - ucapan terima kasih

2.

Perkembangan pesat sektor pertanian di Malaysia tidak terhad kepada hasil ladang seperti kelapa sawit, getah dan koko yang menjadi komoditi besar negara. Menyedari hakikat ini, pelbagai usaha boleh dilakukan untuk memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke negara lain. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pertanian, mengadakan ekspo produk makanan dan media massa perlu memainkan peranan dengan mempromosikan produk Malaysia ke negara luar.

Dipetik dan diubah suai daripada :
Berita Harian Online

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan usaha-usaha tersebut.

Kehendak / Tugas Soalan :

Calon dikehendaki membincangkan berkenaan usaha-usaha pelbagai pihak memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke negara luar.

Kemungkinan Jawapan :

- i Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea lain- tanda seperti biasa
- ii Calon menghuraikan sebahagian idea / idea lain – maksimum **KEPUJIAN**
- iii Calon menghuraikan kepentingan memperkenalkan hasil pertanian ke negara luar – maksimum **MEMUASKAN**
- iv. Huraian idea usaha tanpa pihak spesifik – maksimum **KEPUJIAN**

IDEA DALAM PETIKAN :

- mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian.
- mengadakan ekspo produk makanan
- peranan media massa mempromosikan produk Malaysia ke negara luar

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- bidang pertanian membekalkan sumber makanan kepada negara – tanaman sayur-sayuran , buah-buahan dan tanaman komersial seperti getah, kelapa sawit dan padi
- inisiatif yang seimbang perlu dilakukan – memasarkan hasil pertanian ke negara luar

Isi 1 – mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian

- MARDI bekerjasama dengan beberapa institut penyelidikan dan universiti tempatan serta antarabangsa
- Lawatan kerja MARDI ke China – kerjasama penyelidikan dan pembangunan teknologi – tanaman tropika – kerjasama dua hala untuk pembangunan kapasiti
- Mengukuhkan hubungan dagang dan ekonomi – keterjaminan makanan dan pertanian
- Pelbagai penyelidikan mampu meningkatkan mutu pengeluaran dan hasil tanaman

Isi 2 –mengadakan Ekspo Produk Makanan ke negara luar

- Pengerusi produk Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) anjurkan pameran ekspo di Singapura – pameran pelbagai produk makanan tempatan berasaskan pertanian
- 300 gerai terlibat – meningkatkan angka eksport – melancarkan publisiti pada majlis pelancaran – bawa lebih 20 tan buah-buahan bermusim serta 2000 unit produk segar dan diproses
- Membuka mata negara luar yang hadir – lebih mengenali hasil pertanian negara

Isi 3 –peranan media massa mempromosikan produk

- memperkenalkan produk tempatan ke negara luar
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan – promosi buah-buahan tempatan menerusi laman sesawang - mangga harum manis, durian
- penggunaan pengaruh media sosial – Saluran Youtube Durian Kimchi
- Artis terkenal mempromosikan buah-buahan tempatan – Janna Nick
- Mempengaruhi masyarakat luar – menyukai produk pertanian negara

- Datuk Azizulhasni Awang – atlet keirin negara – promosikan produk koko -
- Oligo
- Tak kenal maka tak cinta

Penutup

- pelbagai usaha boleh dilaksanakan – stigma bidang pertanian kurang menjamin masa depan wajar diubah
- semua pihak memainkan peranan untuk terus memajukan bidang pertanian – yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang – berkembang maju dan meningkatkan ekonomi negara
- tidak terus bergantung kepada import makanan negara luar – dapat terus mempromosikan hasil tempatan ke pelbagai negara

3.

Alam pekerjaan merupakan fasa dalam kehidupan yang akan ditempuhi oleh semua manusia demi mencari pendapatan. Pendapatan digunakan untuk menyara kehidupan diri, keluarga dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi. Jadi, para pelajar perlu bersedia dalam segala aspek sebelum menempuh alam pekerjaan.

sumber: <https://www.ipendidikan.my/>

Huraikan persediaan-persediaan seseorang pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan seseorang pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan.
2. Jika calon menghuraikan idea menggunakan murid – terima seperti biasa
3. Cadangan isi :
 - bersedia dari segi kelayakan akademik dalam pekerjaan
 - kemahiran komunikasi yang baik
 - membuat penyelidikan yang secukupnya

Terima mana-mana idea yang sesuai

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- Setiap orang mempunyai aspirasi kerjaya masing-masing – perlu berusaha merealisasikan
- Pelajar akan menempuhi alam kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka – perlu berusaha menyiapkan diri dengan persediaan-persediaan yang sewajarnya

- Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang

Isi 1 – bersedia dari segi kelayakan akademik dalam pekerjaan

- Peluang untuk memperoleh kerjaya yang sesuai lebih luas
- Sebagai contoh, golongan yang mempunyai kelulusan tinggi dalam bidang kejuruteraan – bukan sekadar berpeluang menjadi jurutera malah boleh berkhidmat dalam sektor awam, menjadi pensyarah, kontraktor kelas tinggi atau perniagaan
- Perlu lebih banyak membaca dan mengulang kaji pelajaran – membaca jambatan ilmu
- Mematangkan pelajar

Isi 2 – kemahiran komunikasi yang baik

- tidak akan menghadapi masalah sewaktu proses temuduga – dititikberatkan oleh majikan untuk memilih calon pekerja
- perlu berkebolehan melaksanakan tugas dengan baik – kemahiran dwibahasa – bahasa Melayu, bahasa Inggeris – menjadi wartawan bidang penyiaran dan guru, mempengaruhi media sosial
- melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum seperti menyertai pertandingan pidato dan bahas – mengasah kemahiran bertutur dengan baik – yakin dengan diri sendiri
- belakang parang kalau diasah lagi akan tajam

Isi 3 – membuat penyelidikan yang secukupnya

- mengetahui kriteria dan skop kerjaya yang diminati – memperoleh maklumat daripada Internet dan pengalaman bekerja sambilan
- menyesuaikan potensi, bakat dan minat dengan kerjaya yang sesuai
- mendapatkan maklumat tambahan daripada individu yang berpengalaman – selok belok kerjaya yang ingin diceburi
- automotif, perniagaan dalam talian dan teknologi maklumat – mengkaji dan menilai suasana persekitaran dan kehendak pasaran

Penutup

- sudah terang lagi bersuluh, terdapat pelbagai persediaan untuk menempuh alam pekerjaan
- mencabar – persediaan untuk mencapai cita-cita
- berani menghadapi cabaran – menjadi manusia yang lebih kuat dan kental
- pelajar menitikberatkan kemajuan diri dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan sosial
- tiada kejayaan tanpa usaha dan kesungguhan
- pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara

4.

Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai satu subjek wajib lulus bagi calon yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah tepat. Hanya dengan mempelajari mata pelajaran Sejarah, pelajar dapat mengenali budaya dan warisan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada :
<https://www.irujukan.my/mempelajari-sejarah/> | Irujukan.my

Selain kepentingan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan lain mempelajari mata pelajaran sejarah.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran sejarah
2. Calon menggunakan idea daripada stimulus – maksimum KEPUJIAN
3. Calon menghuraikan langkah – maksimum MEMUASKAN

Cadangan isi :

- Pelajar dapat menghargai jasa perjuangan tokoh-tokoh terdahulu
- Mengukuhkan perpaduan antara ahli masyarakat.
- Masyarakat menyemai semangat patriotik

Terima mana-mana idea yang sesuai

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- kemajuan sains dan teknologi – melupakan sejarah yang tercipta
- sejarah ialah penemuan, pengumpulan dan pengurusan peristiwa yang lampau – generasi yang bakal mengambil alih tampuk kepimpinan harus mempelajari sejarah
- menjadi subjek wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
banyak kepentingan mempelajari mata pelajaran sejarah

Isi 1 – menghargai jasa perjuangan tokoh terdahulu

- berjuang mendapatkan kemerdekaan negara – daripada terus dijajah
- Tok Janggut – menentang penjajah British – menentang pengenaan cukai oleh pihak British – terbunuh
- Mat Kilau – menentang British di Pahang – jujur dan tegas – sangat disegani oleh masyarakat – melawan British sehingga cedera dan luka di kepala
- kisah Mat Kilau diangkat menjadi sebuah filem – tanda penghargaan – sumber pendidikan untuk generasi muda
- lebih menghargai tokoh-tokoh pejuang negara

Isi 2 – mengukuhkan perpaduan

- menyemai perpaduan antara kaum – elemen perpaduan dapat dipupuk secara tidak langsung – kestabilan negara
- negara pernah mencatat sejarah hitam – peristiwa 13 Mei 1969 – meragut banyak nyawa - salah faham antara kaum – negara ibarat telur dihujung tanduk
- mata pelajaran sejarah perlu dipelajari agar tragedi tidak berulang kembali – buku teks sejarah tingkatan 5 – tema perpaduan dan integrasi nasional

Isi 3 – menyemai semangat patriotik

- masyarakat tidak lagi menghargai jasa-jasa perjuangan tanah air – apabila belajar sejarah – mengingati jasa dan tokoh tanah air
- Tunku Abdul Rahman, Tun H.S Lee dan Tun Dr. Ismail
- negarawan ini berhempas pulas mencari jalan terbaik untuk mendapatkan kemerdekaan – demi kedamaian dan kemakmuran negara
- semangat patriotik dapat dipupuk dalam jiwa generasi muda
- harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama

Penutup

- pelbagai kepentingan mempelajari mata pelajaran sejarah – tidak sewajarnya menganggap sejarah sesuatu yang lapuk dan ketinggalan zaman
- peranan penting semua pihak memupuk minat generasi muda belajar sejarah – bagai kacang lupakan kulit – perlu dijauhi – generasi muda menggalas tanggungjawab memacu negara ke tahap yang lebih tinggi
- memberikan wawasan dan membawa negara – duduk sama rendah, berdiri sama tinggi